

TAWARAN D

Permohonan Mengikuti Kursus Laluan Paralel Kepada Pegawai Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia Tahun 2018

Permohonan Tawaran D terbuka kepada Pegawai Perubatan di KKM untuk mengikuti kursus peringkat Laluan Paralel secara separa biasiswa (pengajian dalam negara).

**TAWARAN MENGIKUTI KURSUS LALUAN PARALEL
KEPADA PEGAWAI PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA TAHUN 2018**

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Calon hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti berikut :
 - 1.1 Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Perubatan atau Diploma / Sijil Profesional yang diiktiraf setaraf dengannya dari universiti yang diiktiraf;
 - 1.2 Telah berdaftar **penuh** dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM);
 - 1.3 Telah menamatkan sekurang-kurangnya **dua (2) tahun** selepas *housemanship*;
 - 1.4 **Lantikan tetap dan telah disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh tutup permohonan;**
 - 1.4.1 Telah berkhidmat dengan KKM :
 - (a) Bidang Pembedahan Urologi - Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya **dua (2) tahun** dalam bidang Pembedahan termasuk sekurang-kurangnya **enam (6) bulan** dalam bidang Urologi; atau
 - (b) Bidang Pembedahan Kardiorasik - Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya **dua (2) tahun** dalam bidang Pembedahan termasuk sekurang-kurangnya **enam (6) bulan** dalam bidang Kardiorasik; atau
 - (c) Bidang Klinikal Onkologi - Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya **satu (1) tahun** dalam bidang Klinikal Onkologi; atau
 - (d) Bidang Forensik - Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya **18 bulan** dalam bidang Forensik;
 - 1.5 Mempunyai prestasi cemerlang dengan markah purata Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) bagi tiga (3) tahun terakhir berturut-turut (2014, 2015 dan 2016) **tidak kurang daripada 85%** (penilaian **genap 12 bulan** bagi setiap tahun) (**lantikan pada/sebelum 1 Januari**);
 - 1.6 Tidak pernah menerima sebarang tajaan Kerajaan Malaysia bagi peringkat kursus yang sama;

- 1.7 **Tidak pernah gagal atau menarik diri** daripada sebarang kursus tajaan Kerajaan Malaysia;
- 1.8 Telah lulus peperiksaan *Membership of Royal College of Surgeons (MRCS) Part A dan Part B* bagi permohonan bidang Bedah Kardiorasik dan Urologi atau telah lulus peperiksaan First FRCR (Onco) bagi bidang Klinikal Onkologi;
- 1.9 Mencapai mata *International English Language Testing System (IELTS)* sekurang-kurangnya 7.5 (syarat untuk mendaftar dengan *General Medical Council*) bagi bidang Klinikal Onkologi dan bidang Forensik;
- 1.10 Surat daripada Pengarah Hospital berkaitan kesesuaian pegawai untuk mengikuti latihan tersebut dari segi pengalaman, sikap dan minat;
- 1.11 Laporan daripada Ketua Jabatan berkaitan mengenai kesesuaian calon untuk mengikuti program tersebut dari segi pengalaman, sikap dan minat;
- 1.12 Berumur tidak melebihi 35 tahun bagi bidang Pembedahan Urologi dan Pembedahan Kardiorasik manakala berumur tidak melebihi 40 tahun bagi bidang Klinikal Onkologi dan Forensik **pada 31.12.2017**;
- 1.13 Bersih daripada sebarang pertuduhan atau tindakan tatatertib dan dakwaan mahkamah;
- 1.14 Bebas daripada penyakit yang boleh menjejaskan keupayaan untuk mengamalkan perubatan (*unfit to practice*) dari segi fizikal dan mental seperti yang terkandung di dalam Akta Perubatan 1971 termasuk penyakit berjangkit bawaan darah seperti HIV/AIDS dan sebagainya. (Sila rujuk **Lampiran A**); dan
- 1.15 Semua permohonan yang dikemukakan hendaklah mematuhi prinsip-prinsip asas yang dinyatakan dalam Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar kepada Pegawai Awam yang mengikuti kursus Jangka Sederhana dan kursus Jangka Panjang secara sepenuh masa seperti di **Lampiran B**.

SENARAI BIDANG PROGRAM LALUAN PARALEL

2. Senarai bidang yang ditawarkan adalah seperti di borang permohonan **KKM/LDP1/DIA/HLP Laluan Paralel (edit 2017)**.

PELAKSANAAN PROGRAM

3. Penajaan dipertimbangkan bagi calon yang layak untuk menerima tajaan menerusi laluan paralel selepas lulus peperiksaan Part 1. Tajaan adalah merangkumi:-

- i. Yuran Pengajian :
 - a. Senarai yuran pengajian mengikut bidang (Tertakluk kepada Perubahan).
- ii. Elaun buku, elaun kritikal, elaun insentif wilayah, elaun memangku dan elaun perpindahan bagi memudahkan calon melaksanakan latihan.

Nota: Kadar elaun adalah berdasarkan senarai elaun yang ditetapkan di bawah Hadiah Latihan Persekutuan, JPA.

TAWARAN SLOT

4. Tawaran slot bagi program Laluan Paralel adalah tertakluk kepada kekosongan tempat latihan bagi bidang Laluan Paralel yang dipohon.

TAWARAN PROGRAM LALUAN PARALEL

5. Tawaran program Laluan Paralel dengan kemudahan separa biasiswa HLP adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut :
 - 5.1 Hanya Pegawai Perubatan yang telah memperolehi kelulusan Part I bidang berkaitan yang layak tapisan KKM untuk kemudahan ini sahaja akan dipertimbangkan untuk mengikuti Program ini;
 - 5.2 KKM berhak menentukan kaedah pelaksanaan latihan bagi Pegawai Perubatan yang mengikuti Latihan Kepakaran secara Laluan Paralel dan juga penempatan semasa latihan;
 - 5.3 Surat tawaran hanya dikeluarkan kepada Pegawai Perubatan yang berjaya sahaja oleh Bahagian Pengurusan Latihan (BPL) melalui Ketua Jabatan masing-masing (Pengarah Kesihatan Negeri / Hospital / Institusi / Bahagian). Tawaran yang dikeluarkan oleh BPL sahaja dianggap sah untuk mengikuti program ini.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN / PENYELIA

6. Ketua Jabatan / Penyelia adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan / Penyelia untuk memperakukan calon yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan;
7. Ketua Jabatan / Penyelia adalah diminta untuk membuat perancangan yang teliti dan hanya memperakukan calon yang boleh dilepaskan pada tahun 2018 kelak; dan
8. Bahagian Pengurusan Latihan berhak menolak permohonan yang didapati tidak mengambil tindakan yang digariskan di atas.

CARA UNTUK MEMOHON

9. Permohonan hendaklah dibuat kepada BPL dengan mengemukakan dokumen-dokumen berikut :
 - 9.1 Dua (2) salinan Borang Permohonan Program Latihan Kepakaran secara Laluan Paralel (borang : **KKM/LDP1/DIA/HLP Laluan Paralel (edit 2017)**) yang telah dilengkapkan;
 - 9.2 Dua (2) salinan **Kenyataan Perkhidmatan** yang dikemaskini dan disahkan;
 - 9.3 Dua (2) salinan **Laporan Referee (2 orang)- Borang R dan**
 - 9.4 Dua (2) salinan surat pengesahan daripada Ketua Jabatan berkaitan kesesuaian pegawai dari segi pengalaman, sikap dan minat;
 - 9.5 Dua (2) salinan Keputusan Peperiksaan Pertama (Part 1); dan
 - 9.6 Dua (2) salinan Keputusan Peperiksaan IELTS (bidang Klinikal Onkologi dan Forensik sahaja).

Dokumen yang telah lengkap hendaklah dikemukakan ke alamat berikut:

**Unit Latihan Dalam Perkhidmatan 1
Bahagian Pengurusan Latihan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 6, No 26 Persiaran Perdana, Presint 3,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 Putrajaya
(u.p : Puan Mardia Abdul Lagis)**

PERTANYAAN

10. Sebarang pertanyaan mengenai tawaran ini, sila berhubung dengan pegawai berikut :-
 - a. Puan Mardia binti Abdul Lagis
Penolong Setiausaha Kanan
mardiala@moh.gov.my
03-8885 0688

PERINGATAN PENTING KEPADA SEMUA PEMOHON

11. Borang permohonan boleh didapati di laman sesawang berikut :-
Bahagian Pengurusan Latihan KKM (<http://latihan.moh.gov.my>)
12. Tarikh tutup permohonan adalah pada **18 September 2017** bagi **pengambilan 2018**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut **tidak akan dipertimbangkan**.
13. Akaun penerimaan borang permohonan akan dimaklumkan oleh BPL menerusi emel kepada calon.
14. Permohonan yang layak akan dihantar kepada Urusetia Program Laluan Paralel di Bahagian Perkembangan Perubatan untuk proses pemilihan dan temuduga dan seterusnya calon yang terpilih akan diperakukan oleh KPK melalui Jawatankuasa Induk Laluan Paralel.
15. Calon yang berjaya, akan menerima surat tawaran dan perancangan latihan semasa taklimat Program Laluan Paralel yang akan diadakan oleh Bahagian Pengurusan Latihan bersama dengan Bahagian Perkembangan Perubatan sebelum program bermula.
16. Calon yang menerima tawaran dan mendapat pelepasan daripada Pengarah Hospital dikehendaki menandatangani ikatan perjanjian sebelum latihan bermula dan **perlu dikembalikan bersama dokumen sokongan yang lain semasa hari taklimat tersebut. Calon tidak boleh memulakan latihan tanpa menandatangani perjanjian.**
17. Calon tidak digalakkan untuk penangguhan latihan. Bagaimanapun sekiranya perlu, calon hendaklah mengemukakan surat penangguhan latihan kepada Bahagian Pengurusan Latihan untuk kelulusan. Calon yang memohon penangguhan melebihi satu (1) tahun hendaklah mengemukakan semula permohonan untuk mengikuti Program Laluan Paralel dan sila ambil maklum

bahawa tiada jaminan akan diberikan biasiswa pada tahun berikutnya memandangkan slot adalah terhad.

18. Calon yang pernah menolak tawaran tidak akan diberi keutamaan pada permohonan yang berikutnya.
19. Tempoh masa yang dibenarkan untuk calon menarik diri dari pengajian dan dikecualikan dari penalti adalah selama **satu bulan** sahaja selepas memulakan pengajian. **Walau bagaimanapun, sekiranya pegawai telah menerima segala elaun / kemudahan seperti elaun perpindahan atau tuntutan kargo, pegawai hendaklah membayar semula semua kadar yang telah diterima;**
20. Setiap calon yang terpilih hendaklah :-
 - 20.1 Mengikuti perancangan latihan yang telah diaturkan;
 - 20.2 Melapor diri kepada Pengarah Hospital dan Ketua Jabatan berkenaan;
 - 20.3 Mematuhi cadangan penempatan yang ditetapkan setelah tamat latihan demi kepentingan perkhidmatan;
 - 20.4 Memastikan laporan penilaian disediakan oleh Penyelia diakhir tempoh menjalani latihan di setiap pusat latihan yang ditetapkan (samada di dalam atau di luar negara)
21. Pegawai yang tamat latihan Program Laluan Paralel mestilah melapor diri di Bahagian Pengurusan Latihan.
22. Sila ambil maklum bahawa penerima biasiswa mulai sesi akademik 2012/2013 adalah tertakluk kepada **Dasar Pelaksanaan Tindakan Penalti Kepada Pemegang Biasiswa Dalam Perkhidmatan Yang Gagal Menamatkan Pengajian Dengan Jaya** seperti yang disertakan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).